

**SUKNS.(S)100-1/8/3 KLT.3 (6)**



**KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

---

**SURAT EDARAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

---

**JPA.800-4/2/13(3)**

**PENYERAGAMAN TARIKH KUAT KUASA PEMBAYARAN ELAUN-  
ELAUN LAIN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN KEPADA PEGAWAI  
YANG DILULUSKAN PEMANGKUAN DENGAN TARIKH KUAT  
KUASA PEMBAYARAN ELAUN PEMANGKUAN PEGAWAI YANG  
MEMOHON PENANGGUHAN PENEMPATAN DI JAWATAN  
PEMANGKUAN**

**LAMPIRAN 1 – SURAT EDARAN JPA.800-4/2/13(3)**

**TARIKH KELULUSAN:**

**23 JANUARI 2022**

---

**LAMPIRAN 1**

---



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**  
**PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**  
Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

---

JPA.800-4/2/13 (3 )

13 Oktober 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENYERAGAMAN TARikh KUAT KUASA PEMBAYARAN ELAUN-ELAUN LAIN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN KEPADA PEGAWAI YANG DILULUSKAN PEMANGKUAN DENGAN TARikh KUAT KUASA PEMBAYARAN ELAUN PEMANGKUAN PEGAWAI YANG MEMOHON PENANGGUHAN PENEMPATAN DI JAWATAN PEMANGKUAN**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Perenggan 47, Pekeling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 telah memperuntukkan bahawa Elaun Pemangku mula dibayar pada tarikh pemangku itu berkuat kuasa. Hal ini juga terpakai bagi pembayaran elaun-elaun lain dan kemudahan-kemudahan berkaitan jawatan yang dipangku.
3. Seterusnya, bagi pegawai yang memohon penangguhan tarikh melapor diri, Elaun Pemangku akan mula dibayar mulai tarikh pegawai melaksanakan tugas yang dipangku secara sepenuh masa mengikut Perenggan 32, Pekeling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010. Walau bagaimanapun, tiada ketetapan dibuat bagi tarikh pembayaran elaun-elaun lain dan kemudahan berkaitan jawatan yang dipangku bagi pegawai yang memohon penangguhan tarikh melapor diri. Hal ini telah menimbulkan kekeliruan dari segi proses pengurusan pembayaran emolumen kepada pegawai berkenaan.



4. Sehubungan itu, untuk memastikan proses pembayaran elaun-elaun lain dan kemudahan-kemudahan berkaitan dilaksanakan dengan teratur, **tarikh pembayaran elaun-elaun lain dan kemudahan-kemudahan bagi pegawai yang memohon penangguhan tarikh melapor diri untuk melaksanakan tugas jawatan yang dipangku diseragamkan pada tarikh pegawai mula menjalankan tugas yang dipangku secara sepenuh masa.** Tarikh kuat kuasa ketetapan ini adalah mulai **1 Oktober 2021**.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGERAK PERUBAHAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK AWANG ALIK BIN JEMAN)**

Pengarah  
Bahagian Saraan  
b.p.: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
MALAYSIA

☎ 03-8885 5601  
✉ awang.jeman@jpa.gov.my